

Insafilah Melayu

KUALA LUMPUR, Khamis – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak orang Melayu menginsafi nasib buruk yang akan menimpa mereka jika kuasa politik Melayu terlepas ke tangan orang lain.

Presiden Umno mengingatkan jika ini berlaku, bangsa Melayu hanya akan tinggal nama dalam sejarah.

Perdana Menteri berkata, antara faktor yang boleh melenyapkan orang Melayu ialah:

- Penolakan perpaduan

oleh orang Melayu;

- Putar belit ahli politik rakus yang sanggup menjual apa saja, termasuk agama;

- Perasaan benci yang tidak berasas;

- Keruntuhan moral orang Melayu; dan

- Kehilangan semangat kebangsaan.

“Semua ini boleh menyebabkan kuasa politik Melayu menjadi luntur dan terlepas daripada tangan mereka,” katanya ketika menyampaikan ucapan dasar pada Perhimpunan

Agung Umno 2001, di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini hari ini.

Dalam ucapan dua jam

Ucapan penuh di muka 27, 28, 29, 30, 31 dan 32

bertemakan ‘Melayu mudah lupa’ itu, Presiden Umno memberi amaran, orang Melayu akan ketinggalan dalam banyak aspek dan akan mengalami nasib lebih buruk daripada sekarang jika mereka mudah lupa terhadap sejarah perjuangan mereka.

Perdana Menteri menegaskan, orang Melayu se-

BH 22 JUN 2001

benarnya sudah lupa dengan perjuangan dan ‘survival’ mereka sehingga sanggup bercakaran sesa-

ma sendiri tanpa menghiraukan kelemahan bangsa.

Orang Melayu, katanya, mudah lupa sejarah, sebaliknya amat gemar mewariskan sejarah itu dengan cerita dongeng untuk ego mereka, untuk menyedapkan hati dan berbangga dengan cerita dongeng yang mereka cipta.

Beliau berkata, kemung-

kinan itu menjadi lebih jelas dan nyata kerana orang Melayu sudah berpecah, sudah menolak perpaduan kerana ramai sudah menjadi terlalu tamak sehingga bangsa dan agama juga tidak lagi penting seperti perebutan kuasa oleh parti dan oleh orang tertentu.

“Oleh itu, hari ini orang Melayu masih lemah setelah 43 tahun bebas dan berkuasa di negara sendiri. Tanpa kerajaan yang memihak dan membantu mereka dalam semua segi,

mereka akan jatuh tersungkur. Tanpa diskriminasi positif oleh kerajaan, hanya 20 peratus daripada kemasukan ke universiti akan terdiri daripada anak Melayu.

“Tanpa kerajaan yang prihatin terhadap nasib orang Melayu, naib canselor dan profesor, dan pensyarah akan terdiri daripada orang lain dan bukan dimonopoli oleh orang Melayu seperti sekarang,” katanya.

LHAT MUKA 2

Isu Melayu jadi bahan tawar-menawar

DARI MUKA 1

Dr Mahathir menghuraikan panjang lebar sejarah orang Melayu, dari sejak dijajah 450 tahun lalu sehingga masalah yang mereka hadapi dalam pelbagai bidang, seperti ekonomi, pendidikan dan bagaimana tindak-tanduk orang asing bagi menekan negara yang didokong pula oleh segelintir rakyat tempatan, sekarang.

Beliau menegur golongan tertentu yang menjadikan semua kepentingan Melayu hasil perjuangan selama ini sebagai bahan tawar-menawar, dalam keghairahan untuk mendapat undi daripada pihak tertentu.

"Bagi mereka bagi undi dan kami sanggup gugur apa saja yang dianggap hak orang Melayu".

"Apakah perasaan orang Melayu terhadap penghinaan kepada kepentingan Melayu oleh parti Melayu tertentu ini? Apakah mereka akan menyokong juga parti yang secara terang-terang menolak hak keistimewaan orang Melayu?"

"Jawabnya 'ya', mereka akan terus menyokong. Penyokong parti yang sanggup menggadai hak orang Melayu akan meyakinkan diri mereka bahawa pendirian pemimpin parti mereka hanyalah tipu helah untuk mendapat sokongan bukan Melayu," katanya.

Presiden Umno juga kesal kerana orang Melayu hanya nampak politik demokrasi memberi jalan mudah untuk mendapat sesuatu bagi diri sendiri tetapi keupayaan memberi khidmat atau menyumbang kepada kebaikan serta pembangunan orang Melayu dan negara, tidak penting.

"Dalam parti pemerintah dan parti-parti Melayu, yang ditamakan ialah perebutan tempat. Perebutan inilah yang membawa kepada keruntuhan akhlak sehingga kawan yang menolong kita pun sanggup kita caci, sanggup kita jatuhkan.

"Rasuah sanggup dihulur, agama sanggup diputarbelitkan dan bangsa dipecahbelahkan. Tidak ada langsung penghargaan kepada jasa dan bakti. Kita cantas, kita kebas, kita buat apa saja untuk mencapai cita-cita besar kita," katanya.

Dr Mahathir berkata, lebih daripada itu, parti yang begitu berjasa kepada bangsa, agama dan tanah air, bahkan kepada diri sendiri, sanggup diburukkan dan dilemahkan bagi mendapat sesuatu bagi diri sendiri.

"Orang Melayu sudah lupa. Mereka sudah lupa bagaimana dahulu mereka dijajah dan dihina kerana mereka berpecah, tidak bersatu padu. Mereka sudah lupa akan kekuatan dan kejayaan mereka apabila mereka bersatu dan melawan British dan mencapai kemerdekaan.

"Mereka sudah lupa akan tujuan sebenar perjuangan politik mereka. Apakah perlu bahasa Melayu saja dijadikan bahasa rasmi? Apakah taraf agama lain tidak boleh disamakan dengan taraf agama Islam? Apakah perlu ada perbezaan di antara Bumiputera dan bukan Bumiputera? Semua ini dilupakan," katanya.

Hari ini, katanya, orang Melayu sudah dibiasakan dengan rasuah, sogokan dan meyakinkan diri mereka bahawa perbuatan mereka seorang tidak akan menukar keputusan pilihan raya.

Malah, mereka yang berfikir demikian bukan seorang dua, tetapi ribuan dan dengan itu, bangsa, agama dan negara boleh dijual kepada sesiapa yang menghulur wang.

"Siapa yang menghulur lebih banyak wang, akan menang. Jelaslah demokrasi tidak menjamin kerajaan yang dipilih oleh majoriti rakyat tetap menjadi kerajaan yang baik.

"Penyangak, ulama song-sang, pengamal rasuah dan kaki maksiat juga boleh menjadi pemimpin negara. Lihatlah negara-negara yang mempunyai penyangak sebagai pemimpin. Hancur negara dibuatnya, tetapi masih ramai yang menyokong dan tidak mudah untuk menyingkirkannya," katanya.